


NAMA : TINGKATAN : TARIKH :



Soalan aneka pilihan

- 1 Negara bermaksud
 - A suatu kawasan yang didiami oleh masyarakat tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan
 - B kawasan yang ditentukan oleh sempadan dunia
 - C kelompok satu-satu kaum pada sesuatu tempat
 - D sebuah kerajaan yang berdaulat
- 2 Antara berikut, yang manakah **bukan** adab bernegara?
 - A mempertahankan kedaulatan negara
 - B memelihara keamanan negara
 - C mencemar nama baik negara
 - D menjaga nama baik negara
- 3 Bantuan kepada fakir miskin adalah termasuk dalam
 - A memelihara keamanan
 - B berbakti kepada negara
 - C toleransi kepada negara
 - D mempertahankan negara
- 4 Antara adab bernegara ialah
 - A menjaga nama baik negara
 - B memenuhi kehendak peribadi
 - C mewujudkan hubungan silaturahim
 - D memberi maklumat penting kepada negara lain
- 5 Antara kesan positif adab bernegara ialah
 - A negara bertambah maju
 - B ekonomi negara akan meleset
 - C negara mudah dicerobohi oleh musuh
 - D nama negara akan tercemar di mata dunia
- 6 Perbuatan yang boleh dilakukan untuk menjaga nama baik negara ialah
 - A mengadakan konsert
 - B membuat ciptaan baru yang berfaedah
 - C membangunkan negara mengikut acuan baru
 - D memberi bantuan senjata kepada negara yang bertelagah

- 7 Kita wajib mencintai negara dengan tidak merelakan negara dirosakkan dan dibinasakan. Sikap tersebut dapat dibuktikan dengan cara....
- A tidak bekerja di luar negara
 - B tidak menuntut ilmu di institusi di luar negara
 - C tidak menjadi warganegara kepada negara lain
 - D sedia mempertahankan negara apabila diancam musuh
- 8 Bagaimakah cara terbaik untuk memupuk perasaan cinta kepada negara khususnya di kalangan masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia?
- A Mewujudkan satu badan politik sahaja
 - B Mempertingkatkan semangat patriotisme
 - C Mewujudkan satu sistem pendidikan untuk semua kaum
 - D Memberarkan penubuhan pelbagai aliran dan jenis sekolah berdasarkan kaum
- 9 Manakah antara berikut **benar** mengenai warganegara yang baik?
- A Kepentingan agama dan negara melebihi kepentingan diri sendiri
 - B Berusaha mencari rezeki sebanyak mungkin dalam negara
 - C Tidak menyokong dasar negara yang tidak disukai
 - D Tidak menjalankan perniagaan di luar negara
- 10 Sedia membayar cukai yang ditetapkan dalam undang-undang negara adalah termasuk dalam adab...
- A cinta kepada negara
 - B berbakti kepada negara
 - C menjaga nama baik negara
 - D memelihara keamanan negara
- 11 Kesan kecintaan rakyat terhadap negara akan melahirkan...
- A warganegara yang sihat fizikal dan mental
 - B warganegara yang produktif dalam ekonomi
 - C warganegara yang akan disanjung oleh masyarakat
 - D warganegara yang sanggup berkorban untuk mempertahankan negara
- 12 Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada
- I rakyat yang bersatu padu
 - II usaha rakyat menubuhkan tabung kebajikan
 - III rakyat yang berdisiplin dan beradab terhadap negara
 - IV sikap rakyat terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 13 Penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) kepada semua pelajar lepasan SPM bermula tahun 2004 adalah untuk menanamkan semangat
- I mengagumi kemajuan negara
 - II menjaga nama baik negara
 - III berbakti kepada negara
 - IV cinta kepada negara
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 14 Hukum mempertahankan negara daripada serangan musuh ialah
- A sunat
 - B harus
 - C wajib
 - D makruh
- 15 Apakah yang akan berlaku sekiranya tiada rasa hormat di kalangan rakyat dalam sesebuah masyarakat yang berbilang kaum
- I Perpaduan rakyat mudah terjalin
 - II Masyarakat sedia bekerjasama
 - III Akan berlaku rusuhan kaum
 - IV Perbalahan mudah tercetus
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 16 Manakah yang berikut merupakan faktor yang boleh menggugatkan keharmonian negara?
- I Kesatuan pendapat semua rakyat
 - II Menggalakkan semangat perkauman
 - III Sikap sedia berkorban demi negara oleh semua rakyat
 - IV Masyarakat lebih mengutamakan kaum masing-masing
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

17. Seorang rakyat perlu bertanggungjawab mengamalkan adab-adab bernegara.
Antara adab bernegara ialah
- A menjaga nama baik negara
 - B memenuhi kehendak peribadi
 - C mewujudkan hubungan silaturahim
 - D memberi maklumat penting kepada negara lain
18. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada
- I rakyat yang bersatu padu
 - II rakyat berusaha menuju tabung kebajikan
 - III semua rakyat berdisiplin dan beradab terhadap negara
 - IV sikap rakyat terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
19. Di antara kesan positif adab bernegara ialah
- A negara bertambah maju
 - B nama negara akan tercemar di mata dunia
 - C ekonomi negara akan menghadapi penurunan
 - D negara mudah diancam dan dibolosi oleh musuh
20. Perbuatan yang boleh dilakukan untuk menjaga nama baik negara adalah
- A mengadakan konsert
 - B membangunkan negara mengikut acuan Barat
 - C membuat ciptaan baru yang berfaedah untuk rakyat
 - D memberi bantuan senjata kepada negara yang bertelagah

ISI TEMPAT KOSONG


Soalan mengisi tempat kosong

- 1 _____ adalah kawasan tertentu yang didiami oleh masyarakat tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan.
- 2 Masyarakat yang berbilang kaum atau bangsa seperti Malaysia adalah masyarakat _____
- 3 Suasana aman yang wujud akan membolehkan rakyat menumpukan kepada usaha membangunkan _____
- 4 _____ kepada negara akan melahirkan warganegara yang sanggup berkorban untuk mempertahankan negara daripada sebarang ancaman musuh.

- 5 Semangat _____ dapat mengenepikan kepentingan peribadi demi mempertahankan kedaulatan negara tercinta.
- 6 Kecintaan kepada negara dapat dibuktikan dengan kesanggupan mengorbankan _____, masa dan tenaga untuk negara.
- 7 Allah telah mengurniakan berbagai nikmat seperti nikmat _____ dan kemewahan.
- 8 Sebuah negara menjadi aman dan harmoni serta maju jika _____ beradab dan berdisiplin terutama dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Soalan 9– 10 berkaitan peta minda


Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



Soalan 11 – 12 berdasarkan carta

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Rajah di bawah berkaitan dengan cara mencintai negara.



BAHAGIAN B

1. (a) Sesebuah negara akan aman sejahtera sekiranya rakyat hidup bertoleransi dan beradab.
 - (i) Nyatakan **dua** adab bernegara.
[4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kesan positif sekiranya rakyat beradab dengan negara
[4 markah]
 - (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda dapat memberi sumbangan kepada negara?
[4 markah]
 2. (a) Huraikan dua cara membuktikan bahawa anda adalah seorang yang mencintai negara Malaysia ini.
[4 markah]
- 3 “Cintailah Negara Kita”

Berdasarkan slogan di atas, sebagai seorang pelajar huraikan perkara yang boleh anda lakukan bagi merealisasi slogan tersebut.

SOALAN TAMAT